# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 25 SEPTEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br><br>5.<br><br>6. | MUSANG KING SEMAKIN DAPAT PERMINTAAN DI CHINA, NASIONAL, BH -12<br>MUSANG KING KE AMERIKA, LOKAL, HM -24<br>SALAHUDDIN: EXPORT OF FROZEN DURIAN MAY INCREASE BY 50 PER CENT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3<br>AGRICULTURE MINISTER: SHELLED FROZEN DURIANS ONLY MEET 50PCT OF DEMAND IN CHINA, NATION, SIN CHEW DAILY -12<br>AGRICULTURE MINISTER: SHELLED DURIANS IN SHORT SUPPLY, NEWS, GUANG MING DAILY -A8<br>FROZEN DURIAN IN SHORTAGE, NATION, CHINA PRESS -A9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 7. | TRANSFORMASI INDUSTRI PERIKANAN, NASIOAL, SH -7 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 8. | CENGKERANG PUN KENA KAUT, LOKAL, HM -28 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14. | PESAWAH BANTAH KELEWATAN PADI, DALAM NEGERI, UM -38<br>BENIH PADI SAH SUKAR DIPEROLEH, NASIONAL, BH -21<br>PESAWAH RESAH BELUM TERIMA BENIH PADI, NEWS, HM (UTARA) -27<br>HAPUSKAN SISTEM KUAOTA BENIH PADI, DALAM NEGERI, UM -7<br>INTEND TO EXPORT MUSANG KING TO US, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A14<br>MISSING THE WOOD FOR THE TREES OVER LUCRATIVE DURIAN, OPINION, NST -72 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 12 |


# Musang King semakin dapat permintaan di China

## Pekebun diminta tingkat pengeluaran tampung bekalan

**Pontian:** Durian Musang King semakin mendapat permintaan di China sehingga dijangkakan sebanyak 1,000 tan buah sejuk beku itu mampu dieksport ke negara berkenaan setiap bulan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pekebun terbabit dengan tanaman itu kini digalakkan meningkatkan pengeluaran masing-masing kerana hanya 50 peratus daripada permintaan 1,000 tan durian itu mampu dieksport ketika ini.

"Musang King sejuk beku berjaya dieksport ke China pada Jun lepas.

"Tiga hari lepas, semasa di Wuhan, kita lancarkan Musang King ini dan sambutannya sangat baik. Jadi, saya nampak masa hadapan industri durian kita berkembang dan kita akan pastikan kita akan terus tembusi pasaran China," katanya kepada pemberita di sini, semalam.



*Salahuddin pada sidang media di Pontian, semalam.* (Foto Bernama)

Salahuddin berkata, beliau sudah berpesan kepada pengusaha yang terbabit dengan pengeluaran durian Musang King, supaya sentiasa memenuhi kriteria dan protokol ditetapkan dalam mengeksport buah ini, termasuk mendapatkan Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) bagi mengelakkan daripada tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa China.

Beliau berkata, pengusaha juga akan diberikan insentif sebagai galakan terhadap penanaman buah berkenaan.

Katanya, durian Musang King banyak ditanam di Bentong dan Raub di Pahang, Segamat di Johor, dan Gua Musang, Kuala Krai dan Tanah Merah di Kelantan.

> ***Saya nampak masa hadapan industri durian kita berkembang dan kita akan pastikan kita akan terus tembusi pasaran China.***
>
> ***Salahuddin Ayub,*** *Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

Berdasarkan galakan terhadap penanaman buah terbabit, sasaran peningkatan sebanyak 50 peratus lagi eksport buah itu dapat dicapai dalam tempoh dua atau tiga tahun lagi, katanya.

"Selain China, Musang King turut disasar untuk dieksport ke Singapura dan Los Angeles di Amerika Syarikat, di mana terdapat kawasan 'Little China' di situ," katanya. BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 24 |



# Musang King ke Amerika

DURIAN Musang King diikat supaya tidak jatuh ke tanah.

## Eksport durian ke China turut disasar meningkat 50 peratus



> "Dijangka eksport 1,000 tan metrik sebulan
> Salahuddin

Oleh Togi Marzuki
am@hmetro.com.my

**Pontian**

Kerajaan menyasarkan Durian Musang King dieksport ke Amerika Syarikat selain peningkatan eksport sebanyak 50 peratus ke China yang diharap dapat dicapai dalam tempoh dua atau tiga tahun lagi.

Durian Musang King sejuk beku yang semakin mendapat permintaan di China dijangkakan dieksport ke negara itu sebanyak 1,000 tan metrik sebulan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub berkata, pekebun yang terbabit dengan tanaman durian Musang King digalakkan meningkatkan pengeluaran masing-masing hanya 50 peratus daripada permintaan 1,000 tan metrik durian itu mampu dieksport ketika ini.

"Musang King sejuk beku berjaya dieksport ke China pada Jun lalu. Tiga hari lalu, semasa di Wuhan, kita lancarkan Musang King ini dan sambutannya sangat baik.

"Jadi, saya nampak masa hadapan industri durian kita berkembang dan kita akan pastikan kita akan terus tembusi pasaran China," katanya semalam.

Justeru, beliau berkata kementeriannya akan terus memberikan insentif dan galakan kepada pemain industri dan pekebun kecil bagi meningkatkan jumlah pengeluaran buah-buahan tempatan tersebut bagi menampung permintaan dari China.

"Cuma satu saya berpesan kepada semua pemain industri supaya memenuhi kriteria dan protokol yang ditetapkan kerajaan China. Semua syarikat yang mengeksport durian ini perlu mendapatkan sijil MyGAP (Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia)," katanya.

Salahuddin turut berkata bahawa pengeluaran Musang King kini lebih banyak tertumpu di Bentong dan Raub di Pahang, Segamat di Johor serta Gua Musang, Kuala Krai dan Tanah Merah di Kelantan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin : Export of frozen durian may increase by 50 per cent | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 25 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 203 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,553 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,660 |



# 沙拉胡丁：满足中国需求
# 冷冻榴梿出口可增50%

（笨珍24日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，我国出口至中国市场的冷冻带壳榴梿供不应求，以目前出口1000吨而言，出口量还能增加50%。

他说，目前最大的挑战，是如何满足中国市场的需求。

"上周六我到中国武汉推广大马冷冻榴梿时，就取得很好反应。"

他表示，增加冷冻榴梿出口的数量，不会打击到国内市场，因为出口的冷冻榴梿不只是好品种榴梿，也包括一些品质较好的什榜榴梿。

"出口至中国的冷冻榴梿，有来自彭亨劳勿和背加末。"

沙拉胡丁今日在诚信党埔莱士巴当州议员服务中心召开记者会。

## 出口前曾被退货

沙拉胡丁指出，出口至中国的冷冻榴梿目前未发生被退货的问题。不过，在国内检查方面，因冷冻温度未达标，出口前就被退货的情况，确曾发生。

他指出，除了中国市场，我国出口冷冻榴梿的目标，还包括新加坡及美国市场。

农业及农基工业部副部长沈志勤8月中旬曾说，冷冻带壳榴梿出口至中国迄今近3个月，已为我国带来2430多万令吉的收益。

Powered by: isentia

| Headline | Agriculture Minister: Shelled frozen durians only meet 50pct of demand in China | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 25 Sep 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 12 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 69 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,537 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,610 |



## 農長:輸華榴槤供不應求

# “僅滿足中50%需求”

（笨珍24日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育指出，我国出口至中国的带壳冷冻榴梿仅能满足当地50%的需求，预计要2至3年的时间才能填补这个缺口。

他说，首批运往中国的带壳冷冻榴梿共有1000公吨，对于中国市场来说是“供不应求”的，因此如何满足出口需求是我国最大的挑战。

他今日在埔来士巴当区州议员行动室召开新闻发布会受询时，如是表示。

沙拉胡丁表示，不仅是中国，新加坡、美国洛杉矶也是我国出口榴梿的目标。

此外，他也表示，当局对出口中国的榴梿严格把关，因此不符合标准的榴梿在国内就被拒于门外，没有遭中国退货的记录。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister: Shelled durians in short supply | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 25 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A8 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 85 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,288 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,864 |



# 農長：中國市場需求大
# 帶殼榴槤供不應求

（笨珍24日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育指出，首批运往中国的带壳冷冻榴槤共有1000公吨，不过对于中国市场来说仍是"供不应求"，因此如何满足出口需求是我国最大的挑战。

"我国出口至中国的带壳冷冻榴槤仅能满足当地50%的需求，预计要2至3年的时间才能填补这个缺口。"

他今日在埔来士巴当区州议员行动室召开记者会受询时说，当局对出口中国的榴槤严格把关，那些不符合标准的榴槤在国内就被拒于门外，没有遭中国退货的记录。因此，他提醒业者在满足高额需求之下，还是要保持水准，不要做"杀鸡取卵"的事。他也表示，不仅是中国，新加坡、美国洛杉矶也是我国出口榴槤的目标。(BPK)

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Frozen durian in shortage | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 25 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 133 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,624 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,871 |



# 冷凍榴槤不夠賣

## 輸華出口量可再增50%

（笨珍24日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育指出，我国出口冷冻榴槤至中国市场供不应求，以目前的出口数量，可以再增加50%。

“目前，我国出口至中国市场的冷冻榴槤，多达1000吨。”

沙拉胡丁也是诚信党署理主席。他今日在诚信党埔莱士巴当区州议员服务中心，召开记者会说，他上周六到中国武汉推广我国冷冻榴槤时，也取得很好反应，目前我国最大的挑战，是如何满足中国市场的需求。

他说，除了中国市场，我国出口冷冻榴槤的目标还包括新加坡及美国市场。

“出口至中国的冷冻榴槤，有来自彭亨劳勿和昔加末。”

此外，沙拉胡丁说，截至目前，出口至中国的冷冻榴槤，目前还未发生遭中国退货，但因冷冻温度未达标，出口前遭我国退货就曾发生。

他说，增加冷冻榴槤出口的数量，并不会打击我国市场，因为我国出口的冷冻榴槤，不只是好品种榴槤，也包括一些品质较好的甘榜榴槤。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Transformasi industri perikanan

## *Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah jadi aspirasi*

NOOR AINON MOHAMED YUSOF

LUMUT

Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (KPSN) mampu menjadi aspirasi dalam mentransformasikan industri perikanan melalui model latihan dan pembangunan modal insan mahir.

Kolej siap dibina pada 1 April 2016 itu telah melahirkan hampir 2,000 graduan dalam bidang Teknologi Perikanan Tangkapan dan Akuakultur Marin yang dibahagi kepada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sehingga Tahap 3.

Pengarahnya, Sukri Deris berkata, KPSN yang dibangunkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dilengkapi kemudahan lengkap termasuk bangunan pentadbiran dan akademik yang merangkumi asrama, dewan dan surau.

Menurutnya, kolej itu ada simulator pertama dalam negara yang mempunyai dual fungsi iaitu pelayaran dan pengoperasian tangkapan ikan dengan pandangan 360 darjah.

"Pelajar akan merasai sendiri sebuah pelayaran kapal nelayan, sekali gus belajar bagaimana untuk mengendalikan pukat seperti pukat jerut sisi, tunda rawai dan sebagainya untuk menangkap ikan. Penggunaan simulator merupakan satu persediaan pelajar untuk berhadapan dengan latihan amali di laut sebenar supaya kemalangan dapat dikurangkan, sekali gus menjadi tenaga kerja berkemahiran tinggi," katanya.

Sukri berkata, pelajar turut didedahkan dengan penggunaan peralatan moden dalam kedua-dua bidang itu.

"Kita ada menara kawalan untuk memantau keadaan lautan semasa, peralatan pelayaran seperti *fish finder, eco sound sonar*, radar, GPS dan Automatic Identification System (AIS). Ini semua untuk penggunaan pelajar. Ia selari dengan visi kita bagi melahirkan lulusan dalam bidang perikanan sebagai pekerja berkemahiran dan keusahawanan selain melatih tenaga kerja sedia ada bagi mempertingkatkan kompetensi dalam sektor diceburi," katanya.



Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. Gambar kecil, Sukri Deris.

### *Persediaan, peluang pelajar*

Sukri berkata, KPSN mampu melahirkan tenaga kerja, sekali gus mengatasi isu kekurangan tenaga kerja tempatan yang mahir serta kebergantungan terhadap pekerja asing.

"Kolej ini juga menyediakan peluang latihan kemahiran dalam bidang akuakultur, pembenihan ikan dan udang, perikanan tangkapan, kejuruteraan laut dan vesel penangkapan ikan serta pemprosesan produk perikanan.

"Pelajar turut didedahkan dengan rancangan perniagaan yang dibimbing sepenuhnya di bawah Kelab MyAgrosis. "Peruntukan khas RM10,000 disediakan kepada setiap kumpulan pelajar dalam membina perniagaan," katanya.

Menurutnya, kerjaya pelajar juga terbentang luas apabila kajian menunjukkan 98.7 peratus pelajar pertanian menjadi pilihan syarikat-syarikat tempatan mahupun luar negara.

"Peluang pekerjaan sangat tinggi bahkan belum pun tamat, syarikat-syarikat berkaitan sudah buka untuk temuduga. Kita dari semasa ke semasa menerima jemputan syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan," katanya.

### *Terus mengorak langkah*

Tidak berakhir di situ, Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan berkolaborasi dengan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar bagi memberi ruang kepada pemegang diploma melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah.

Bagaimanapun Sukri berkata, usahasama itu masih berada di fasa akhir sebelum termeterai perjanjian persefahaman (MoU).

"Kita akan memperluaskan bidang yang ada kepada pemprosesan produk perikanan, penyelenggaraan vesel dan pembenihan ikan marin. Kita juga sedang mengusahakan silibus lain seperti rumpai laut. Kolej juga berhasrat mendapatkan sebuah kapal lengkap dengan peralatan bagi melaksanakan amali di laut bagi mengurangkan kos sewaan kepada pihak luar," katanya.

Kolej itu ingin membangunkan sebuah pusat pembenihan dikendalikan sepenuhnya agar bidang itu dapat diterokai tanpa perlu menyewa kepada pihak swasta.



Bilik simulator pertama negara yang mempunyai dua fungsi untuk kegunaan pelajar bagi pendedahan aktiviti sebenar teknologi perikanan tangkapan.



Pelajar menunjukkan cara-cara bagi mendapatkan GPS bagi sesuatu lokasi kapal.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/9/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 28 |

# Cengkerang pun kena kaut

## *Nelayan Vietnam curi 17.5kg hasil laut eksotik ditahan*

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

**Kulai**

Tidak hanya menjarah hasil ikan di laut, malah cengkerang siput eksotik dari dasar perairan negara turut dicuri dan mahu diseludup ke Vietnam.

Tindakan seorang lelaki warga Vietnam yang cuba membawa keluar 24 cengkerang siput eksotik seberat 17.5 kilogram (kg) bagaimanapun digagalkan anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor.

Pengarah Maqis Johor Nur Afifah A Rahman berkata, lelaki berusia 50-an itu ditahan ketika melalui prosedur pemeriksaan di laluan pelepasan, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS), Senai di sini, jam 6.20 pagi semalam.

Menurutnya, pemeriksaan dilakukan pegawai Maqis menemui 24 cengkerang siput eksotik dengan anggaran berat 17.5 kilogram (kg) dan dianggarkan bernilai ribuan ringgit dimuatkan dalam sebuah beg.

"Pemeriksaan mendapati barang itu tidak mempunyai dokumen seperti permit eksport yang dikeluarkan Maqis," katanya.

Menurutnya, perbuatan mengeksport tanpa permit eksport adalah kesalahan mengikut Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 11(3), akta sama, iaitu denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya.

Katanya, Akta Maqis digunapakai untuk mengawal aktiviti import atau eksport semua keluaran pertanian.

"Ia termasuk ikan atau produk ikan, tumbuhan atau produk hasilan tumbuhan dan haiwan atau produk haiwan untuk memastikan semua aktiviti import atau eksport mematuhi syarat ditetapkan," katanya.



CENGKERANG siput yang dirampas daripada lelaki Vietnam di LTAS.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 38 |

# Pesawah bantah kelewatan benih padi

**BAGAN SERAI 24 Sept.** - Lebih 100 pesawah di sini mengadakan perhimpunan bagi membantah masalah kelewatan menerima benih padi untuk penanaman musim kedua tahun ini.

Pesawah sudah pun memulakan kerja membajak tanah sejak lebih seminggu lalu namun bekalan benih padi belum lagi mereka terima.

Seorang pesawah, **Mohamad Zaki Shaari** berkata, kelewatan bekalan benih padi boleh menjejaskan tanaman dan akan merugikan pesawah.

Menurutnya, sehingga kini para pesawah di sini tidak tahu punca kelewatan benih padi.

"Apabila ditanya kepada pihak yang berkenaan mengenai masalah ini, mereka memberi pelbagai alasan.

"Jika benih padi masih tidak sampai, kami terpaksa membuat semula kerja membajak dan meracun. Ini sudah tentu akan menambahkan lagi kos menanam," katanya di sini semalam.

Seorang pesawah, **M. Gunasiagaran** berkata, selain masalah tersebut, pesawah meminta pihak yang berkenaan memantau benih padi yang dikatakan tidak berkualiti.

"Pada musim sebelum ini, terdapat benih padi yang tidak berkualiti mungkin disebabkan benih daripada padi yang kurang masak atau padi lama yang sudah rosak.

"Benih ini apabila ditabur, ia tidak akan tumbuh dan ini sudah tentu merugikan pesawah," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Benih padi sah sukar diperoleh

## 4,000 pesawah bimbang tidak boleh mulakan musim penanaman

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my



*Dr Noor Azmi menunjukkan memorandum mewakili lebih 4,000 pesawah di Bagan Serai yang akan diserahkan kepada Salahhudin ketika ditemui di Bagan Serai, semalam.* (Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

**Bagan Serai:** Lebih 4,000 pesawah di sini bimbang tidak dapat memulakan musim penanaman padi berikutan kesukaran mendapatkan benih padi sah daripada pembekal seluruh negara.

Ketua Unit Peladang Parit Haji Ali, Muslan Mohd Napiah, berkata perkara itu disebabkan sembilan syarikat pembekal terbabit belum menerima kuota tambahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membekalkan benih sah kepada pesawah khususnya di Bagan Serai.

"Tarikh air masuk ke sawah bermula esok (hari ini) dan pesawah dijangka bakal memulakan musim menanam padi pada Ahad ini.

"Kami bimbang sebab belum memperoleh benih padi sah dan difahamkan beberapa syarikat pembekal tidak dapat menjual benih kepada pesawah berikutan belum mendapat kelulusan kuota tambahan bagi membekalkannya kepada pesawah.

"Jadi, hal ini menjejaskan pesawah yang akan mengusahakan sawah padi seluas kira-kira 9,824 hektar di kawasan ini pada musim ini," katanya ketika ditemui dalam perhimpunan aman mendesak isu itu segera diselesaikan di Parit J, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bagan Serai, Datuk Sham Mat Sahat, berkata pihaknya akan bertemu dengan pegawai Jabatan Pertanian Perak untuk memohon segera menyelesaikan isu berkenaan.

Katanya, di PPK Gunong Semanggol terdapat syarikat yang ada padi benih sendiri namun tidak dapat dibekalkan kepada pesawah kerana tidak memiliki lesen kuota membekalkan benih kepada pesawah.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata akan menyerahkan satu memorandum khas kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahudin Ayub, semalam.

Katanya, selain meminta masalah benih padi diselesaikan segera, memorandum itu turut mengusulkan beberapa lagi kilang membekal benih padi benih dibina bagi mengatasi masalah itu.

"Di Perak, hasil pengeluaran padi semusim adalah sebanyak 113,000 tan metrik dan kita hanya mempunyai satu kilang pembekal benih padi di Seberang Perak.

"Di Selangor pula hasil pengeluaran padi mereka hanya 87,000 tan metrik semusim dan mereka mempunyai tiga kilang membekal benih padi.

"Justeru, Perak wajar mempunyai beberapa lagi kilang bagi membolehkan perkara sebegini dapat diatasi dan diharapkan pihak kementerian dapat mempertimbangkannya," katanya.

Katanya, kegagalan pihak berkaitan menyelesaikan isu itu boleh mengakibatkan muncul beberapa masalah lain seperti kemasukan benih padi tidak sah di samping membebankan pesawah yang mungkin terpaksa membeli benih padi dari pihak lain pada harga tinggi iaitu antara RM50 hingga RM80 satu beg, berbanding harga subsidi yang dijual pada harga RM34 satu beg.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Peladangan negeri, Perak Abdul Yunus Jamhari dalam satu kenyataan ringkas pula berkata, hasil semakan agensi berkaitan mengesahkan kawasan Bagan Serai mengalami masalah kekurangan benih padi sebanyak 10 hingga 20 tan metrik.

Beliau berkata, perkara itu sudah dimaklumkan kepada kementerian terbabit dan kini dalam tindakan penyelesaian.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pesawah resah belum terima benih padi | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Utara) | | |
| Date | 25 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4,701 |
| Page No | 27 | Readership | 14,103 |
| Language | Malay | ArticleSize | 202 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,930 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,790 |



# Pesawah resah belum terima benih padi

**Bagan Serai:** Lebih 4,000 pesawah bimbang tidak dapat memulakan musim penanaman padi berikutan kesukaran mendapatkan benih sah daripada pembekal.

Ketua Unit Peladang Parit Haji Ali, Muslan Mohd Napiah berkata, masalah itu disebabkan sembilan syarikat pembekal benih padi belum menerima kuota tambahan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membekalkan benih sah kepada pesawah.

"Perkara ini amat membimbangkan kerana tarikh air masuk ke sawah bermula esok (hari ini) dan pesawah dijangka memulakan musim menanam menjelang Ahad.



NOOR Azmi (tengah) menunjukkan memorandum khas mewakili 5,000 pesawah di Bagan Serai yang bakal diserahkan kepada Salahhudin.

"Kami bimbang kerana belum peroleh benih padi sah dan difahamkan beberapa syarikat pembekal tidak dapat menjual benih kepada pesawah berikutan belum mendapat kelulusan kuota tambahan.

"Hal ini merisaukan pesawah yang mengusahakan bendang seluas 9,824 hektar," katanya, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bagan Serai, Datuk Sham Mat Sahat berkata, pihaknya sedia berjumpa wakil Jabatan Pertanian Perak untuk menyelesaikan masalah itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Alor Pongsu itu berkata, PPK Gunong Semanggol mempunyai benih padi, namun tidak dapat dibekalkan kepada pesawah lain berikutan tidak memiliki lesen kuota.

Manakala Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, satu memorandum khas diserahkan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, semalam.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/9/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |

# Hapuskan sistem kuota benih padi

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
utusanperlis@utusan.com.my

■ **ARAU 24 SEPT.**

MENGEMBALIKAN bantuan sara hidup dan memansuhkan sistem kuota benih padi kepada kilang-kilang antara perkara yang dibangkitkan oleh pesawah di negeri ini, agar diberi perhatian oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) sempena pembentangan Bajet 2020 bulan depan.

Pesawah dari Kampung Sungai Baru, **Razali Saad**, 54, berkata, para pesawah sebelum ini hanya menerima sekali sara hidup sebanyak RM600 dalam tempoh tiga bulan sebelum bantuan itu diberhentikan selepas PH menang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).



RAZALI SAAD



FAUZI MUSTAPA



SAIFULLAH ABI

Katanya, bantuan tersebut sangat penting dalam membantu para pesawah menampung perbelanjaan harian khususnya apabila mereka menunggu musim baharu tanaman padi.

"Saya harap kerajaan dapat mengkaji untuk meneruskan bantuan tersebut dan memasukkan kembali insentif itu dalam Bajet 2020. Sekurang-kurang bantuan tersebut dapat membantu meringankan beban para pesawah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pemberian RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan pertama sementara menunggu hasil tuaian padi kepada para pesawah dengan peruntukan sebanyak RM150 juta telah diumumkan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2018.

Bantuan tersebut sekali gus memberi manfaat kepada kira-kira 325,518 orang pesawah di seluruh negara termasuk pengusaha padi bukit di Sabah dan Sarawak.

Selain itu, kata Razali, penyaluran benih padi kepada kilang-kilang atau pihak swasta perlu dihentikan, sebaliknya benih tersebut perlu dipertanggungjawabkan kepada agensi-agensi kerajaan untuk diagihkan kepada para pesawah.

"Hal demikian kerana terdapat kilang-kilang yang mengaut keuntungan daripada penyaluran benih subsidi itu. Sepatutnya benih tersebut terus disalurkan kepada para pesawah," katanya.

Dalam pada itu, Razali juga berharap agar kerajaan dapat membantu mengawal harga input-input pertanian yang semakin meningkat termasuk kos operasi penanaman padi.

Sementara itu, seorang lagi pesawah dari Guar Sanji, **Fauzi Mustapa,** 35, turut senada dengan Razali iaitu berharap kerajaan dapat mengembalikan pemberian bantuan sara hidup kepada para pesawah seterusnya membantu meringankan beban mereka.

"Insentif tersebut dilihat sebagai salah satu usaha untuk membantu para pesawah yang bukannya terdiri daripada golongan senang," katanya.

Seorang lagi pesawah, **Saifullah Abi Jamrah**, 33, pula berharap kerajaan dapat membantu meningkatkan ekonomi para petani dengan membuka pelbagai peluang untuk mereka selain mengekalkan pemberian subsidi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Intend to export Musang King to US | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 25 Sep 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A14 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 99 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,158 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,473 |



笨珍

# 有意把猫山王出口美国

农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁表示，继中国与新加坡之后，大马政府有意将出口榴梿的目的地进一步扩展至美国洛杉矶。

他透露，根据他所得知，美国洛杉矶对猫山王榴梿的需求很高，因为当地拥有大型的唐人街，是许多亚洲人聚集之地。

沙拉胡丁周二上午在笨珍召开新闻发布会上，回应媒体的询问。

他呼吁榴梿种植业者把握机会进军出口榴梿业，包括确保本身的产品符合农业部的两项要求认证，即卫生部发出的良好作业规范认证（GMP），以及农业部发出的优良农业规范认证（My Gap）。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/9/2019 | NST | OPINION | 72 |



DATUK YONG SOO HEONG

MINDING THE BUSINESS

# MISSING THE WOOD FOR THE TREES OVER LUCRATIVE DURIANS

How do we get government servants to see the bigger picture of 'shared prosperity' espoused by the current administration?



*Government servants must deliver the best service to the people.* FILE PIC

DURIANS are big businesses that run into billions of ringgit these days.

With the incessant demand from mostly affluent consumers for premium quality durians like Musang King, Black Thorn and Trakka, cultivation of the thorny fruits in Malaysia has taken on a serious approach.

Thanks to the growing fascination for premium flavoured durians, Pahang has emerged as the country's premium durian axis.

Malaysia produces 300,000 tonnes of durians annually. Almost a quarter are premium durians and strong demand stems from their thick flesh, taste, aroma and colour.

Some 22,000 tonnes of premium durians are exported annually to major markets like Singapore and China. China, in particular, has now emerged as the "go-to" market because of its big population base and their deep pockets.

With China now allowing the entry of whole durians, it's likely to open the floodgates.

As Musang King is known to retail for as high as RM110 per kg during off-peak seasons, premium durians are now seen as the new source of agricultural wealth. That probably explains the mushrooming of various durian investment schemes.

One, for instance, invites a minimum investment of RM10,000 where a guaranteed return of RM7,700 annually begins from the fifth year.

Durian orchards have also become a major tourist draw.

Overseas tourists have jumped on the durian trail to savour the "real creamy thing".

That's one side of the story. Cultivation is another. It's an all-year-round toil before you can reap your rewards.

Interestingly, not everyone is on the same page. Strangely, they're in places where they should know best.

Take the case of Datuk Seri Foo Sae Heng, who has 80 ha of durians in Bentong. As local labour was hard to come by, he decided to get foreigners.

After a survey by the Agriculture Department at his estate, his officer was asked to go to the state-level office in Kuantan to get the approval. With the approval, Foo's company submitted an application for six foreign labourers.

The company then hit a snag as it was told that 80 ha of durians only needed another pair of hands since it already has a manager and two labourers!

Why? Durians are seasonal, the department said! It didn't even take into account fertilising, weeding and other agronomic practices?

A bewildered Foo asked how that calculation come about. The answer was — "it's in the system". But he was "advised" that the system could be circumvented if the application stated that he also intended to rear chickens and grow vegetables!

Foo complied as his aim was to recruit labour, never mind the extra hours for poultry and greens. After two weeks, Foo's application was approved and he was told to go to the Home Ministry in Putrajaya.

It wasn't a bed of roses there as anyone who wanted a foreign worker in Peninsular Malaysia was there in the noisy hall.

When his turn came after two hours, it was another round of grilling as to why he needed foreigners for his durian orchard.

Satisfied with his answers, Foo was given a signed letter and told to go to another office of the same ministry but in a different building for another interview.

After a long wait of two hours or so, he was told to return the next day as his application didn't come with a bank draft for levy payment. No one told him this before.

Foo was back again the next day with the relevant documentation and fees. After another long wait and interview, he was told to submit details online with one of the local recruitment agencies.

A Visa with Reference (VDR) approval must be obtained from the Immigration Department before employers can get foreign workers.

Applications must include an approval letter from the Home Ministry on quota approval, receipt of levy payment, filling up of IM.12 and IM.38 forms, security bond; copies of foreign workers' passports, latest photos, medical certificates and insurance.

Foo complied with all these requirements, including paying 50 per cent of the RM7,000 fee for each worker for medical check-ups and flight tickets.

But even after doing all this, Foo was told that his application was rejected because of irregularities over the workers' backgrounds.

Foo appealed and was told to wait another month after his submission. He was to call a telephone number and Foo called that number a dozen times but no one was there to even say "hello". He decided to go to Putrajaya and another round of queue numbers and waiting for more than two hours ensued before he was told to come back two weeks later.

After a fortnight, the same process was repeated — ticket queue and anticipation. In the end, the person manning the counter just said his appeal was rejected and that was that. That meant Foo had to start all over again and spend thousands of ringgit more to go through the same process.

But will he succeed or face more hurdles this time around?

After listening to Foo's miserable tale, I remember two stalwarts in the business community, Tan Sri Ter Leong Yap and Tan Sri Lim Kuang Sia. They both spoke on the need for greater transparency in manpower recruitment at a recent gathering attended by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail in Shah Alam.

The question now is how do we get government servants to see the bigger picture of "shared prosperity" espoused by the current administration?

Two durian seasons have come and gone. Do we want to kill the trees that lay the golden durians?

*"Two durian seasons have come and gone. Do we want to kill the trees that lay the golden durians?*

The writer is a former chief executive officer and editor-in-chief of Bernama